

# Persisi anjur pengambilan pesilat sertai pasukan nasional

► ISMAIL ALI

ismail@sph.com.sg

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) mengundang persatuan silat kerabat dan kelab supaya menghantar anggota mereka daripada sekecil tiga tahun ke atas bagi sesi pengambilan pesilat baru untuk menyertai pasukan nasional Sabtu ini.

Undangan tersebut turut dibuka kepada orang ramai di bawah program 'Pengambilan Secara Langsung' Persisi bagi membolehkan mereka yang berminat tetapi tidak mempunyai pengetahuan mengenai seni persilatan atau mewakili sebarang kelab tampil mengambil bahagian.

"Kami memerlukan seberapa banyak pesilat setempat atau mereka yang berminat dalam seni persilatan untuk tampil menyertai sesi pengambilan pesilat baru bagi pasukan nasional secara besar-besaran ini.

"Pengambilan beramai-ramai ini adalah sebahagian daripada usaha ka-

mi membimbing dan membentuk bakat-bakat baru yang dapat diserap ke pasukan nasional bagi menghadapi kejohanan besar akan datang seperti Sukan Asia 2018 di Jakarta, Sukan SEA dan Kejohanan Sedunia," jelas Ketua Pegawai Eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.

Menurut beliau, pesilat-pesilat ini akan diberi bimbingan dan latihan oleh jurulatih Persisi.

"Kami merancang membina asas yang kuat bagi pasukan nasional dengan melatih, membimbing dan memberi peluang kepada pesilat semuda 14 tahun mendapat pendedahan bertanding dalam kejohanan-kejohanan besar.

"Ini bagi mempersiapkan mereka menghadapi kejohanan utama apabila mereka mencecah usia 18 tahun seperti Sukan Asia, Sukan SEA dan Kejohanan Sedunia," tambah Sheik Alau'ddin.

Singapura telah melahirkan ramai jaguh serantau dan dunia yang memenangi pelbagai acara dalam temasya-temasya tersebut.

Dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia yang diadakan di Phuket, Thailand, bulan lalu, Singapura berjaya melahirkan juara dunia paling muda apabila Sheik Farhan Sheik Alau'ddin muncul juara acara tanding Kelas J (90-95 kilogram) dalam penampilan pertamanya dalam kejohanan tersebut.

Memberi contoh mengenai sesi pengambilan pesilat yang diadakan pada 1998, Persisi berjaya menggilap bakat lebih 200 atlet yang kemudian bersaing merebut tempat untuk mewakili negara dalam Sukan SEA dan temasya utama lain selepas itu.

"Bagi peserta yang tampil dalam sesi pengambilan kali ini, kami akan mengadakan pertandingan di sini untuk menggilap bakat dan mengenal pasti potensi mereka," tambah Sheik Alau'ddin lagi.

Sesi Pengambilan 2015 itu akan diadakan dari 2 hingga 5 petang di Pusat Kecemerlangan Silat di No. 7 Bedok North Street 2, #01-01.



**BERLATIH GIGIH:** Pemenang pingat emas Sukan SEA Myanmar 2013, Muhammad Nur Alfian Juma'en (*depan, bercermin mata*), meneruskan latihan harian di Pusat Kecemerlangan Persisi untuk mengekalkan prestasi dan ketahanan bagi menghadapi kejohanan serantau dan antarabangsa. – Foto fail